

Terma dan Syarat Anugerah Lagu Indie #ALI2023.

- (1) Anugerah Lagu Indie 2023 yang dianjurkan oleh IMPACT INTERGRATED (No. Pendaftaran Syarikat: 201201017845 | 1003358-P) ("**Penganjur**") merupakan sebuah anugerah muzik dan platform yang bertujuan untuk mengiktiraf penulis lagu, penulis lirik, pemuzik dan penyanyi bebas (indie) dalam industri muzik di Malaysia selaras dengan terma dan syarat yang berikut.
- (2) Anugerah ini terbuka kepada semua rakyat Malaysia sahaja.
- (3) Hadiah untuk setiap kategori akan dianugerahkan pada majlis Anugerah Lagu Indie tersebut.

Ciri-Ciri Lagu:

- (1) Lagu yang dipilih atau dipertandingkan mestilah sebuah lagu yang asli dan merangkumi lirik dan muzik yang asli.
- (2) Lagu demo yang dihantar akan hilang kelayakan secara automatik.
- (3) Lagu tersebut mestilah dihasilkan dan diterbitkan antara **01 Januari 2023 hingga 31 Disember 2023** pada mana-mana platform yang berikut:-
 - (a) *YouTube*;
 - (b) *Spotify*;
 - (c) *Deezer*;
 - (d) *Apple Music*;
 - (e) *SoundCloud*;
 - (f) *Bandcamp*; atau
 - (g) Radio.
- (4) Lagu yang dipertandingkan hendaklah bebas daripada dan tidak boleh dikaitkan dengan mana-mana kontrak penerbitan atau perjanjian bersama syarikat rakaman utama. Bagi mengelakkan keraguan, syarikat rakaman utama adalah syarikat yang mempunyai peratusan rekod jualan tahunan yang tinggi, dan boleh mengeluarkan, mengedarkan dan memasarkan kandungannya sendiri dan akan ditentukan oleh Penganjur. Sekiranya lagu yang dipertandingkan hilang kelayakan berdasarkan ketetapan ini, keputusan tersebut adalah mengikut budi bicara Penganjur dan keputusan tersebut adalah muktamad.
- (5) Untuk tujuan penjelasan, lagu yang berkait dengan mana-mana kontrak pengeluaran atau perjanjian bersama label *Indie* (atau

Persendirian) boleh dipertandingkan. Bagi mengelakkan keraguan, label *Indie* (atau Persendirian) adalah syarikat yang beroperasi tanpa pembiayaan yang besar oleh label rakaman komersial dan tanpa penerbitan, jualan, pengedaran dan syarikat/sector pemasaran mereka sendiri dan adalah tidak bergabung dengan atau dibiayai oleh mana-mana syarikat rakaman komersial seperti yang telah ditakrifkan di perkara 4 di atas.

- (6) Lagu yang dipertandingkan boleh dalam mana-mana bahasa.
- (7) Seorang penulis lirik lagu/penerbit/komposer/pencipta mestilah mempertandingkan tidak melebihi tiga (3) lagu.

Penghantaran Lagu:

- (1) Lagu mestilah dihantar antara **05 Disember 2023 hingga 31 Januari 2024 selewat-lewatnya sebelum/pada 11.59pm**. Penghantaran melebihi tarikh dan masa yang ditetapkan di atas tidak akan diterima.
- (2) Lagu mestilah dihantar dalam fail yang berkualiti tinggi, dalam format fail yang disenaraikan di bawah dan mestilah disertakan bersama lirik dan profil:-
 - (a) *.mp3*; atau
 - (b) *.wav*

Lagu yang tidak dihantar dalam bentuk format fail seperti yang dinyatakan di atas atau tidak sertakan lirik atau profil akan hilang kelayakan secara automatik.

 - (c) Lirik lagu dan profil tersebut mestilah dalam bentuk *Google document, Microsoft Word* atau format PDF; dan
 - (d) Profil tersebut hendaklah termasuk sejarah peserta yang merangkumi individu dan ahli kumpulan secara individu (yang mana berkenaan), katalog muzik, video muzik dan genre atau kategori muzik yang dipertandingkan oleh peserta.
- (3) Penghantaran lagu mestilah dibuat melalui laman web rasmi anugerah tersebut, www.anugerahlaguindie.com.my. Mana-mana lagu yang dihantar melalui medium yang lain adalah tidak dibenarkan dan tidak akan dipertimbangkan untuk anugerah tersebut.

Penilaian dan Pengkategorian:

- (1) Pusingan pertama untuk penilaian lagu akan diadakan dari **01 Januari 2024 hingga 04 Februari 2024.**
- (2) Penilaian lagu akan dijalankan oleh juri yang terdiri daripada profesional dalam industri muzik ("**Juri Profesional**"). Pemilihan juri adalah mengikut budi bicara Penganjur.
- (3) Lagu yang akan dinilai dan diberi markah adalah berdasarkan yang berikut:-
 - (a) Lirik;
 - (b) Gubahan;
 - (c) Penyusunan muzik; dan
 - (d) Vokal.

(kemudian dari ini dikenali sebagai "**Komponen Penilaian**")
- (4) Genre atau kategori yang dipertandingkan adalah seperti yang berikut:-
 - (a) *Pop* yang hendaklah termasuk *Pop Rock, Indie Pop, EDM, Electro, Folk, Ballad, etc*
 - (b) *Rock* yang hendaklah termasuk *Ballad Rock, Rock and Roll, Punk Rock, Metal Post Rock, Shoegaze, Math Rock, Screamo, Post Punk, Folk Rock, Reggae, Ska, Dub; etc* dan
 - (c) *HipHop* yang hendaklah termasuk *Rap, R&B, Trap, Reggaeton, etc.*

Peserta hendaklah mengisytiharkan genre atau kategori muzik yang mereka sertai, di dalam borang pendaftaran yang disediakan dalam laman web rasmi anugerah tersebut. **Peserta hanya dibenarkan untuk menyertai satu kategori sahaja.**
- (5) 30 Peserta teratas ("**Top 30**") bagi setiap kategori (sejumlah 90 buah lagu) akan dipilih DAN akan diumumkan pada **05 Februari 2024.**
 - (a) Top 30 dalam setiap kategori adalah pencalonan untuk memilih 5 lagu teratas ("**Top 5**") bagi setiap kategori (sejumlah 15 lagu).

Finale pada 7 Mac 2024:

- (1) 5 lagu teratas bagi setiap kategori akan dipilih dari **5 Februari 2024 hingga 18 Februari 2024**, atau mana-mana tarikh yang akan ditentukan oleh Penganjur, dengan cara pemarkahan oleh Juri Profesional berdasarkan Komponen Penilaian dan dengan cara pengundian awam melalui platform yang berikut:-
 - (a) X (dahulunya dikenali sebagai Twitter);
 - (b) *Google form* pada laman Facebook rasmi Anugerah Lagu Indie; dan
 - (c) *Google form* pada akaun Instagram rasmi Anugerah Lagu Indie.

Undian awam akan merangkumi 30% daripada markah keseluruhan dan pemarkahan daripada Juri Profesional akan merangkumi 70% daripada markah keseluruhan.

- (2) 5 lagu teratas yang menerima jumlah markah tertinggi dalam setiap kategori akan diumumkan pada **20 Februari 2024** dan lagu-lagu tersebut adalah pencalonan untuk anugerah kategori masing-masing.
- (3) Lagu yang mempunyai markah keseluruhan tertinggi daripada:-
 - (a) Undian awam yang diadakan dari **05 Februari 2024 hingga 18 Februari 2024**; dan
 - (b) Markah daripada Juri Profesional;

akan diisytiharkan sebagai pemenang bagi setiap kategori. Markah keseluruhan akan dikira berdasarkan 30% daripada undian awam dan 70% daripada markah yang diberikan oleh Juri Profesional.

- (4) 5 lagu teratas bagi setiap kategori akan membuat persembahan di *finale* ketika *Award Show* tersebut untuk bertanding bagi *Anugerah Persembahan Terbaik*.
- (5) Pemenang bagi setiap kategori akan dicalonkan untuk *Lagu Terbaik*.
- (6) Pemenang bagi *Lagu Terbaik* dan *Persembahan Terbaik* akan ditentukan melalui cara:-
 - (a) Undian secara langsung oleh penonton ketika *Award Show* melalui X (dahulunya dikenali sebagai Twitter);
 - (b) *Google form* pada laman Facebook rasmi Anugerah Lagu Indie; dan
 - (c) *Google form* pada akaun Instagram rasmi Anugerah Lagu Indie;

di mana undian secara langsung akan merangkumi 30% daripada markah keseluruhan dan markah daripada Juri Profesional akan merangkumi 70% daripada keseluruhan markah.

- (7) Anugerah-Anugerah terdiri daripada Lagu Terbaik, Persembahan Terbaik, Lagu Pop Terbaik, Lagu Rock Terbaik, Lagu Hip Hop Terbaik dan Anugerah Lagu Terpaling Indie CIK.
- (8) Setiap pemenang bakal menerima satu Trofi dan Hadiah Wang Tunai. Berikut merupakan hadiah wang tunai untuk setiap kategori:-
 - (a) Lagu Terbaik : RM15,000.00
 - (b) Lagu Pop Terbaik : RM5,000.00
 - (c) Lagu Rock Terbaik : RM5,000.00
 - (d) Lagu Hip Hop Terbaik : RM5,000.00
 - (e) Persembahan Terbaik : RM5,000.00
 - (f) Anugerah Lagu Terpaling Indie CIK : RM1,000.00
- (9) Keputusan bagi Anugerah-Anugerah tersebut akan dianggap sebagai muktamad.

Terma dan Syarat lain:

- (1) Peserta termasuk peserta individu dan ahli kumpulan secara individu (mana-mana yang terpakai) dengan ini beraku janji dan memberi jaminan bahawa:-
 - a. Lagu yang dipertandingkan adalah tidak bertentangan atau melanggar mana-mana hak pihak ketiga, termasuk tetapi tidak terhad kepada mana-mana hak hakcipta, hak cap dagangan atau mana-mana hak propietori dalam apa jua bentuk;
 - b. Tiada sebarang tuntutan daripada mana-mana pihak ketiga terhadap lagu yang dipertandingkan;
 - c. Penganjur akan dibenarkan untuk menggunakan persamaan dan imejan terhadap harta intelek peserta dan apa-apa sahaja yang berkaitan dengan lagu yang dihantar untuk perkara yang melibatkan Anugerah Lagu Indie 2023 termasuk persembahan untuk kegunaan pada mana-mana platform untuk apa-apa tujuan termasuk pemasaran acara tersebut dan/atau promosi, untuk tujuan rakaman dan rujukan untuk acara pada masa akan datang;
 - d. Peserta hendaklah menanggung rugi dan akan kekal menanggung

rugi Penganjur, pewaris hakmiliknya dan menyerahhkan kesemua kehilangan, liabiliti, tindakan, prosiding, dakwaan dan tuntutan, kerugian, penalti, kos, caj dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Penganjur yang timbul atau akibat daripada mana-mana misrepresentasi atau pelanggaran waranti atau perjanjian oleh peserta seperti yang termaktub dalam terma dan syarat ini dan/atau apa jua kesalahan, perlakuan, peninggalan, kecuaiian peserta, pegawainya, pekerjanya, agennya, wakilnya, atau sub-kontraktornya, mengikut kes yang berlaku .

(2) Dengan menyertai Anugerah Lagu Indie, peserta (iaitu secara individu dan ahli kumpulan secara individu yang mengambil bahagian dalam mana-mana yang berkenaan dengan data peribadi berkaitan dengan lagu yang dihantar) bersetuju dan mengisytiharkan bahawa setiap maklumat termasuk korporat dan maklumat peribadi yang diberi kepada, dikumpul atau dipegang oleh Penganjur telah mendapat/disediakan bersama persetujuan peserta untuk dikumpulkan, direkodkan, dipegang, disimpan, digunakan, diproses dan boleh didedahkan kepada:

- a. Mana-mana kerajaan tempatan atau asing, pengawal selia, pentadbiran, kehakiman dan/atau awam atau pihak berkuasa penguat kuasa undang-undang, persatuan, agensi, badan dan/atau mana-mana pihak ketiga di mana Penganjur adalah berkewajipan untuk mendedahkan di bawah mana-mana undang-undang, peraturan, penghakiman, perintah mahkamah, kod sukarela, rejim sekatan, garis panduan antarabangsa, polisi dan/atau prosedur di dalam atau luar Malaysia termasuk berkaitan pematuhan dengan undang-undang yang terpakai atau berkaitan dengan mana-mana aktiviti yang menyalahi undang-undang, penipuan yang disyaki, penyiasatan jenayah, potensi ancaman terhadap keselamatan, pelanggaran undang-undang, antikeganasan;
- b. Mana-mana individu, entiti korporat dan organisasi (dalam atau luar Malaysia) termasuk wakilnya, pengarah, pegawai, pekerja, agen, kakitangan sokongan, cawangan, subsidiari atau syarikat induk yang berkait dengan perkara yang melibatkan Anugerah Lagu Indie 2023;
- c. Mana-mana orang termasuk peguam bela dan peguam cara, pekerja, kakitangan sokongan, konsultan, penasihat, penasihat luar dan/atau mana-mana pemberi perkhidmatan pihak ketiga yang dipilih oleh Penganjur yang mana difikirkan perlu untuk menganjurkan Anugerah Lagu Indie 2023 .

(3) Sekiranya peserta ingin menarik balik persetujuannya, peserta hendaklah menghantar satu pemberitahuan secara bertulis kepada

Penganjur. Peserta memperakui bahawa penarik balik persetujuan boleh menyebabkan ketidaklayakan terhadap mana-mana lagu yang dihantar dari pertandingan tersebut.

(4) Deklarasi persetujuan di atas adalah dibuat oleh peserta berikutan dan selaras dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 [*Akta 709*] dan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 [*Akta 613*] sebagaimana yang boleh diubah suai, dilanjutkan dan/atau digubah semula (sama ada dibuat sebelum atau selepas tarikh ini) dan termasuk semua undang-undang kecil, suratcara, kenyataan polisi atau garis panduan, proklamasi, ordinan, arahan yang diterbitkan, perintah dan peraturan buat masa ini dibuat di bawahnya atau terbit daripadanya.

(Nota: Penganjur akan membantu untuk memperoleh hak penyegerakan yang diperlukan berkenaan dengan penggunaan untuk saluran rasmi Anugerah Lagu Indie 2023 di YouTube sahaja.)

Terma dan Syarat ini diterbitkan dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara Terma dan Syarat versi Bahasa Inggeris dengan Bahasa Malaysia, Terma dan Syarat dalam versi Bahasa Inggeris akan digunapakai.

Carta Alir Anugerah

